

# Hampir RM5.8b WTD tak dituntut

**Sehingga** 30 Jun lalu, RM5.779 bilion wang tak dituntut (WTD) masih berada dalam simpanan Bahagian WTD, Jabatan Akauntan Negara, selaku pemegang amanah.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz, berkata jumlah itu juga membabitkan lebih 55 juta rekod akaun seperti simpanan, semasa atau perniagaan sejak dari 1977.

Katanya, 25 kaunter Bahagian

WTD disediakan di seluruh negara dengan 13 di Semenanjung Malaysia; Sarawak (7) dan di Sabah sebanyak empat, manakala sebuah kaunter baharu akan dibuka di Putrajaya.

## Semak di kaunter

"Individu yang terbabit perlu hadir sendiri ke mana-mana kaunter WTD untuk membuat semakan dan menuntut wang mereka," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Mohd Zaim Abu Hasan (BN-Parit) meminta Menteri Kewangan menyatakan langkah serta strategi kerajaan dalam menyelesaikan permasalahan WTD di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Othman berkata, sebagai pemegang amanah, kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas wang berkenaan dan sentiasa

memastikan ia selamat dalam pegangan kerajaan sehinggalah ia dituntut.

"Dalam tempoh itu, wang berkenaan akan diurus mengikut tata cara kewangan yang berkuatkuasa," katanya.

WTD ialah wang yang perlu dibayar di sisi undang-undang kepada pemilik yang sepatutnya dalam tempoh tertentu seperti ditetapkan Akta Wang Tak Dituntut 1965.